

19 DEC 1996

PERDANA MENTERI RASMI PERSIDANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan kebangsaan mengenai Teknologi Maklumat -- Infotech Malaysia '96 -- di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Persidangan kebangsaan yang kedua itu bertemakan "Ke Arah Masyarakat Bermaklumat -- Mewujudkan Persekitaran bagi Perubahan".

Ia bertujuan menjadi forum bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengubalan Rancangan Tindakan Teknologi Maklumat Kebangsaan bagi mencapai matlamat dan wawasan 2020 dan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat.

Persidangan tiga hari itu tajaan Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) dan anjuran bersama Mimos Berhad, Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (MAMPU), Persekutuan Komputer Kebangsaan Malaysia (MNCC), Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) dan Telekom Malaysia Berhd.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi NITC menyampaikan ucapan dasar mengenai Rancangan Tindakan Teknologi Maklumat Kebangsaan.

Tokoh lain yang berucap termasuk pemimpin politik dan kakitangan kanan awam yang bertanggungjawab bagi perancangan sistematik pembangunan Teknologgi Maklumat di Malaysia.

Sempena persidangan itu, satu pameran teknologi maklumat iaitu ITX '96, akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra mulai hari ini hingga 22 Dis. -- BERNAMA

ZKS FAZ